

PM gesa rakyat baharui tekad hadapi kesan kelembapan

BH 11 APR 1986

KUCHING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menggesa rakyat supaya memperbaharui tekad bagi menghadapi kesan kelembapan ekonomi.

Katanya, pembaharuan tekad itu dapat menjamin kejayaan usaha dan rancangan yang diatur bagi mengatasi kekurangan pendapatan negara kerana kelembapan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di perhimpunan di Padang Sentral di sini hari ini sempena lawatan rasminya dua hari ke Sarawak.

Menurut Perdana Menteri, sesuatu masalah tidak dapat diatasi seandainya rakyat hanya mengeluh dan tidak mengambil langkah positif bagi mengubah keadaannya.

"Kerana itulah penekanan terhadap sikap berdisiplin, amanah, bersih dan cekap amat perlu dalam usaha mengatasi masalah yang sedang dihadapi," katanya.

Tanpa disiplin, sesuatu kerja atau usaha itu mustahil dapat dilaksanakan dengan berkesan, katanya.

Dalam menghadapi kesan-kesan kelembapan ekonomi, Perdana Men-

teri menggesa rakyat supaya mengatur dan menyusun langkah-langkah baru.

Ketertiban dalam mengatur sesuatu rancangan dan tindakan ke arah itu amat diperlukan bagi menjamin keberkesanan usaha itu, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berikrar kerajaan akan berusaha menyediakan semua kemudahan asas kepada setiap rakyat di segenap pelusuk tanahair.

Bagaimanapun, kerana kelembapan ekonomi rakyat harus bersabar sebelum kemudahan itu dapat disediakan.

Perdana Menteri yakin setiap yang dirancangkan itu dapat dilaksanakan jika rakyat bersabar dan memahami keadaan yang dihadapi oleh kerajaan.

Perdana Menteri mengingatkan, faktor yang penting dalam menentukan rancangan-rancangan itu dapat dijalankan dengan licin dan berkesan ialah sikap kerjasama, keamanan dan kestabilan politik di negara ini.

Oleh itu, setiap rakyat perlu mengutamakan aspek-aspek berkenaan untuk mewujudkan sebuah negara yang makmur, aman dan dihormati.